

Dilema air di Bangladesh

Apabila musim kering melanda, segalanya berubah. Petani-petani di barat laut negara itu berkata, kekurangan air yang teruk membuatkan mereka membiarkan sahaja tanah mereka.

SEORANG petani, Badiuddin Ahmed menunjuk ke arah sebatang garisan bekas sungai yang panjang. Sungai yang kini kering kontang itu pernah mengairi tanah kebunnya.

"Kami pernah berenang dan mengadakan perlumbaan bot di sungai ini," katanya. "Sungai ini juga memberikan kami ikan untuk dimakan. Tanah kami subur waktu itu. Tetapi sekarang, ia sudah kering dan tandus seperti juga tanah kami." Air merupakan tunjang ekonomi Bangladesh yang kebanyakannya berasaskan pertanian dan ia sewajarnya mengalir di setiap pelosok negara di Asia Selatan itu.

Terbentuk daripada delta yang terletak di titik pertemuan tiga batang sungai utama, negara itu turut direntasi oleh beratus-ratus sungai yang lain.

Semasa musim monsun, kira-kira 20 hingga 65 peratus daripada negara miskin itu akan ditenggelami banjir.

Tetapi apabila musim kering melanda, segalanya berubah. Petani-petani di barat laut negara itu berkata, kekurangan air yang teruk membuatkan mereka membiarkan sahaja tanah mereka. Di kawasan selatan pula berjuta-juta penduduk kampung terus diancam masalah kesihatan berikutan meminum air yang dicemari arsenik.

"Kami tidak boleh menghasilkan tanaman pada musim kering dan semasa musim hujan pula, banjir menenggelamkan kebun-kebun kami," kata Ahmed.

"Apabila kami memerlukan air, kami tidak dapat setitik pun tetapi apabila kami tidak memerlukannya, kami dapat air banjir!" tambahnya.

Walaupun kerajaan Bangladesh berkata, sebanyak 95 peratus penduduknya mendapat bekalan air minuman yang bersih, statistik itu tidak mengambil kira air yang dicemari arsenik. Pencemaran arsenik itu adalah disebabkan oleh penggerudian tiub dasar telaga pada tahun 1970-an dan 1980-an.

Ironinya, paip-paip tersebut dipasang oleh agensi pembangunan untuk menyelesaikan masalah penyakit berpunca daripada air yang

kotor. Namun tanpa disangka, ekoran pemasangan paip itu, bekalan air di negara itu pula telah diracuni mendapan yang kaya dengan arsenik.

Berikutan itu, satu rangkaian projek dirangka untuk berusaha menyelesaikan masalah itu tetapi hakikatnya air yang dicemari racun arsenik itu telah dibekalkan kepada kira-kira 50 juta penduduk Bangladesh.

Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO) berkata, pencemaran itu telah menyebabkan sekurang-kurangnya 100,000 kes penyakit kulit dan dijangka penyakit kanser akan menjadi wabak di negara itu pada dekad yang akan datang.

Ketika semua pihak bersetuju mengenai punca pencemaran arsenik itu, pakar-pakar turut menimbulkan isu kekurangan air untuk tujuan pertanian.

Bangladesh menyalahkan empangan-empangan India dan sekatannya yang menarik sejumlah besar air sungai yang dikongsi antara dua negara itu bagi tujuan projek pengairan, sebagai punca masalah kekurangan air.

Sementara itu, India berkata, punca kepada masalah ini ialah pengurusan air di Bangladesh yang lemah.

"Bangladesh mempunyai sumber air yang banyak tetapi mereka memerlukan pengurusan air yang lebih bagus dan lebih efisien. Itu lebih baik daripada menuding jari kepada India," bidas Ajit Gupta, jurucakap Suruhanjaya Tinggi India di Dhaka.

Menurut Gupta, yang menolak dakwaan pakar-pakar air Bangladesh dengan menyifatkannya sebagai 'tidak betul secara fakta', India telah berkali-kali menyuarakan cadangan untuk membantu Bangladesh dalam projek pengurusan air tetapi tidak mendapat respons dari negara itu.

Justeru beliau menggesa Bangladesh supaya menjadi lebih sensitif kepada masalah kekurangan air di India sendiri, sambil menambah, India memohon jasa baik negara jirannya untuk mengadakan projek air

Apabila kami memerlukan air, kami tidak dapat setitik pun tetapi apabila kami tidak memerlukannya, kami dapat air banjir – BADIUDDIN AHMED



PETANI Bangladesh, Badiuddin Ahmed mengerjakan tanah majikannya di Hothatpara.